

Lebih £9.45 juta masuk akaun Najib - Saksi

Sumber dana didakwa diperoleh daripada dua firma asing yang dikawal Jho Low

Oleh NOOR AZUDA ALIMIN
KUALA LUMPUR

Seorang Penganalisis Pasukan Petugas Khas 1Malaysia Development Berhad (1MDB) memberitahu Mahkamah Tinggi di sini pada Khamis bahawa lebih £9.45 juta dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) telah dimasukkan ke akaun peribadi Datuk Seri Najib Tun Razak pada tahun 2014.

Adam Ariff Mohd Roslan, 29, berkata demikian semasa perbicaraan kes rasuah dan pengubahan wang haram berjumlah RM2.3 bilion dana 1MDB membabitkan bekas Perdana Menteri itu di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah (kini Hakim Mahkamah Rayuan).

Saksi ini yang juga bertugas sebagai Penganalisis Bank Negara Malaysia (BNM) berkata, sumber itu diperoleh daripada dua firma asing iaitu Blackrock Commodities (Global) Ltd dan Vista Equity International Partners.



Najib hadir ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada Khamis.



JHO LOW

Syarikat berkenaan dipercayai telah dikawal Eric Tan Kim Loong iaitu dipercayai bersekutu ahli perniagaan buruan, Low Taek Jho atau Jho Low.

Saksi pendakwaan ke-47 itu berkata, wang itu telah dimasukkan ke dalam akaun Najib berakhir dengan '880' antara 23 Jun 2014 hingga 17 Disember 2014.

"Blackrock memindahkan £750,000 juta (RM4,093,500 mengikut kadar pertukaran) pada 19 Jun 2014.

"Sementara Vista Equity memindahkan £8,706,021.92 juta (RM45,825,918.13 mengikut kadar pertukaran) ke dalam akaun yang sama melalui lima transaksi," katanya.

Untuk rekod, berdasarkan kenyataan pembukaan oleh pihak pendakwaan ketika permulaan perbicaraan pada 2019, mereka berpendapat, jumlah tersebut (£9.45 juta) berasal daripada 1MDB melalui anak syarikatnya, 1MDB Energy Holdings Ltd.

Pendakwaan menyatakan, ia memperoleh dua pinjaman berjumlah AS\$1.225 bilion daripada Deutsche Bank Singapura.

Semasa mengesahkan laporan jejak wang pada perbicaraan tersebut, saksi ini berkata, akaun yang sama berakhir nombor '880' mempunyai simpanan sebanyak RM100,000 sebelum £750,000 (RM4,093,500) dimasukkan kemudian.

Perbicaraan kes bekas Presiden UMNO itu bersambung pada 9 Oktober depan.